

Pendekatan *Fiqh Ta'ayusy* dalam Menangani Konflik Antara Agama

The Co-Existence Approach in Dealing With Religious Conflict

NAZNEEN BINTI ISMAIL
AEMY ELYANI MAT ZAIN
NORSAADAH BINTI DIN@MOHAMAD NASIRUDIN
MARYAM HABIBAH BINTI KAMIS

ABSTRAK

Konflik antara agama merupakan perkara yang sensitif dalam sebuah negara yang mempunyai masyarakat daripada pelbagai latar belakang. Malaysia sebagai sebuah negara yang menjadikan Islam sebagai agama Persekutuan perlu berperanan dalam kerangka Islam bagi menghadapi konflik ini. Sehubungan itu, artikel ini bertujuan menjelaskan pendekatan *fiqh al-ta'ayusy* atau disebut sebagai interaksi harmoni dalam menangani konflik antara agama. Kajian ini dilakukan berdasarkan penulisan lalu dan disesuaikan dengan isu berkaitan konflik antara agama di Malaysia. Dapatkan menunjukkan bahawa *al-ta'ayusy* dalam Islam mempunyai tiga pendekatan utama iaitu dialog antara agama, dakwah dan penerimaan agama lain. Selain itu, *al-ta'ayusy* juga tertakluk kepada beberapa syarat di mana umumnya adalah berkaitan kemuliaan agama Islam itu sendiri dan kepentingan bermuamalah dengan bukan Islam secara baik serta mempertingkatkan keharmonian sangat. Penerimaan terhadap masyarakat berlainan agama juga terhad kepada perkara selain daripada aspek asas agama seperti tauhid dan ibadah. Ini adalah penting agar interaksi harmoni dapat dicapai tanpa melunturkan agama dalam diri sebagaimana yang dianjurkan oleh golongan pluralisme agama. Kajian ini juga diharapkan dapat memberikan penjelasan berkenaan peranan dan kaedah seorang Muslim dalam berhadapan dengan masyarakat bukan Islam.

Kata kunci: *Fiqh al-Ta'ayusy; interaksi harmoni; konflik agama; bukan Muslim; komunikasi*

ABSTRACT

*Religious conflict is a controversial subject in a multicultural country. This issue happens regularly in Malaysia especially in a country which recognized Islam as its official religion. There are many ways dealing with religious conflict in Islam. One of them is co-existence approach (*fiqh al-ta'ayusy*). The objective of this paper is to explain the co-existence approach (*fiqh al-ta'ayusy*) as a way to promote harmony and to cope with religious conflicts. The study is based on previous literatures and it has been adapted to suit Malaysia's religious conflict. Findings showed that the co-existence approach in Islam is divided into three namely inter religious dialogue, preaching of Islam and acceptance of other religions. Besides that, this approach must maintain the dignity of Islam and at the same time treating non-Muslims with respect and universal values. The acceptance of other religions however, must not include the religious pillars such as faith and worship. This is crucial in order to ensure the harmony of interaction without eliminating Islam like what has been propagated by the pluralists. Thus, this paper will explain on the Islamic approaches of interacting and communicating with non-Muslims.*

Keywords: *Fqih al-Ta'ayusy; co-existence; religious conflict; Non Muslim; communication*

PENGENALAN

Uniknya Islam berbanding agama-agama dunia ialah Islam memiliki ciri universal sejak nabi pertama yang diturunkan ke bumi, nabi Adam AS sehingga kepada penutupan segala Nabi, iaitu Rasulullah SAW. Meskipun Islam secara hakikatnya menyeru kepada tauhid dan kesatuan ummah, ini tidak bermakna Islam menafikan kewujudan agama dan kepercayaan lain, bahkan Islam mengiktiraf bahawa mereka mempunyai hak dan tanggungjawabnya

(al-Syarif 2003). Ini jelas dilihat daripada aplikasi sifat universal yang dipraktikkan oleh Rasulullah SAW sepanjang hayatnya adalah bersumberkan wahyu iaitu al-Quran sebagai sumber utama Islam. Seterusnya para sahabat Baginda SAW iaitu zaman Khulafa Rasyidin dan zaman para tabi' dan tabiin terus menjadikan sifat universal dalam pergaulan mereka berhadapan masyarakat yang pelbagai anutan agama sama ada golongan majmuk ini diberikan hak dan tanggungjawab mereka dalam dawlah Islamiyyah ketika itu. Sesuai dengan peranan Islam sendiri

sebagai agama dakwah yang semestinya bersifat terbuka kepada semua latar belakang manusia.

Sehubungan itu, terdapat tiga prinsip perpaduan masyarakat berteraskan Islam iaitu saling berkenalan (*ta’aruf*), saling memahami (*tafahum*) dan hidup bersama secara harmoni (*ta’ayusy*). Prinsip ini boleh dicapai melalui pemerkasaan semangat persaudaraan melalui pendidikan, dialog antara budaya dan agama khususnya Islam dan Kristian kerana pengaruh yang besar dua agama ini terhadap dunia serta mengamalkan prinsip etika universal dalam dialog antara agama (Mohamad Zaidin et al. 2016). Hubungan antara umat Islam dengan bukan Islam tertakluk kepada asas-asas tertentu iaitu menafikan penguasaan orang kafir ke atas umat Islam sama ada dalam urusan dunia mahupun akhirat, dakwah kepada Islam dengan memberi penjelasan dan mempamerkan kata-kata dan tingkah laku teladan, kelunakan hati orang bukan Islam kepada Islam, ihsan atau berlaku baik, keadilan dan kesaksamaan dan berpegang kepada janji (Syari’ati 2009). Ini membuktikan sifat universal yang merupakan salah satu ciri Islam berbanding agama lain. Prinsip perpaduan dan persaudaraan ini menjadi amalan negara Islam sehingga kini termasuk Malaysia yang mengiktiraf agama Islam sebagai agama Persekutuan. Namun, masih ada segelintir yang cenderung untuk melakukan provokasi sama ada dalam kalangan bukan Islam mahupun dalam kalangan Muslim sendiri. Ini merupakan kesan daripada penulisan orientalis yang berat sebelah dan skeptikal dalam mencipta imej buruk Islam melalui kelemahan umat Islam sendiri (al-Syarif 2003).

Dapatan kajian Azizan et al. (2014) menunjukkan majoriti rakyat Malaysia mempunyai tahap pengetahuan yang tinggi berkenaan agama sendiri dan agama lain. Mereka juga secara majoriti mempunyai persepsi positif antara penganut pelbagai agama di Malaysia. Di samping itu, masyarakat Malaysia juga didapati memiliki tahap prejudis agama yang rendah. Walaupun begitu, isu-isu yang boleh memberi kesan kepada hubungan penganut pelbagai agama tetap menjadi tumpuan utama mereka. Dengan erti kata lain, meskipun masyarakat faham dan tidak bersikap prejudis agama, isu-isu yang berkait dengan hubungan penganut pelbagai agama berpotensi untuk mewujudkan ketidakselesaan antara agama dalam kalangan pelbagai agama di Malaysia. Ini menjadikan isu sebegini sentiasa dimanipulasi oleh pihak tertentu bagi mencapai kepentingan mereka.

Maka, budaya *al-ta’ayusy* perlu diterapkan dan dijadikan amalan dalam negara bagi mengelakkan kemudaratannya sama ada berpunca daripada dalam mahupun luar. *Al-ta’ayusy* perlu dilakukan dengan

menghargai persamaan dan perbezaan yang wujud dalam setiap agama tanpa menganggap ia sebagai isu yang sangat sensitif untuk dibincangkan. Ini bertujuan memberi penjelasan agar masalah kejahilan yang menjurus kepada persengketaan antara agama dapat diatasi secara bersama (Khadijah & Mohd Herzali 2008).

KONSEP *AL-TA’AYUSY*

Kalimah *al-ta’ayusy* dalam Bahasa Arab bermaksud sebahagian manusia hidup bersama dengan sebahagian yang lain dalam keadaan harmoni dan saling berkasih sayang. Manakala maksud dari segi istilah kehidupan bersama sebahagian yang lain atas dasar saling memelihara keselamatan dan perjanjian damai. Jika difokuskan penggunaannya kepada *al-ta’ayusy al-dini* ia membawa erti kehendak para penganut agama untuk melakukan perkara yang membawa kepada keselamatan dan keamanan agar masyarakat dapat menjalani hidup dengan rasa persaudaraan dan saling membantu atas jalan kebaikan yang disepakati oleh semua umat manusia (Rasyum t.th) yang juga disebut sebagai nilai sejagat.

Pendekatan *al-ta’ayusy* adalah penting kerana melaluinya keagungan Islam dan ketinggian syariat serta peradabannya dapat dijelaskan, begitu juga dalam menjelaskan pendirian Islam terhadap isu hak-hak orang bukan Islam, mengurangkan permusuhan orang bukan Islam terhadap Islam, menghalang musuh daripada mempergunakan masyarakat bukan Islam yang tinggal dalam negara Islam, menghalang ancaman Yahudi, memanfaatkan potensi masyarakat bukan Islam dalam aspek kemajuan tamadun, bersama-sama membanteras bentuk-bentuk kerosakan sosial dan akhlak dalam masyarakat serta mementingkan pemerkasaan umat Islam dalam semua aspek (al-Syarif 2003). Fitrah kepelbagaian umat dan tujuannya telah pun dinyatakan dalam surah al-Hujurat, ayat 13:

Hai manusia, sesungguhnya Kami menciptakan kamu dari seorang laki-laki dan seorang perempuan dan menjadikan kamu berbangsa-bangsa dan bersuku-suku supaya kamu saling kenal-mengenal. Sesungguhnya orang yang paling mulia di antara kamu di sisi Allah ialah orang yang paling takwa di antara kamu. Sesungguhnya Allah Maha Mengetahui lagi Maha Mengenal.

KONFLIK ANTARA AGAMA DI MALAYSIA

Oleh kerana kepelbagaian ini merupakan satu bentuk sunnatullah, maka ia tidak dapat mengelak daripada kemungkinan terjadinya konflik sesama sendiri.

Maka, ini juga hikmah Rasulullah SAW menjadi ketua negara di Madinah yang juga terdiri daripada masyarakat majmuk. Baginda bukan sahaja mentadbir negara yang mempunyai masyarakat Muslim semata, tetapi di dalamnya juga terdapat golongan Yahudi, Nasrani dan bangsa Arab bukan Islam. Malah, Yahudi pada masa itu merupakan pemegang ekonomi negara. Justeru, model negara Madinah yang mengamalkan *al-ta'ayusy* adalah relevan untuk dijadikan sebagai contoh bagi mewujudkan keharmonian masyarakat beragama seperti Malaysia. Tambahan pula, Malaysia turut berhadapan dengan pelbagai isu yang menimbulkan konflik sama ada antara kaum, agama, etnik, negeri maupun parti politik.

Menurut Nur Azuki (2015), punca utama berlakunya konflik antara agama adalah tiada keselarasan berhubung kefahaman dan penerimaan terhadap agama lain. Ini berkait juga dengan faktor ekonomi, sosial dan politik, salah faham agama serta penyimpangan dan penyalahgunaan teknologi komunikasi. Antara negeri yang dikenal pasti sering berhadapan dengan masalah ini adalah Selangor, Kuala Lumpur, Pulau Pinang, Kedah dan Johor. Polemik agama yang timbul berkisar kepada isu seperti kalimah Allah, pembinaan kuil Hindu Seksyen 13 Shah Alam, bantahan parti politik terhadap hukum hudud, kenyataan pemimpin politik bukan Islam berbaur penghinaan terhadap undang-undang Islam, pluralisme agama, pertukaran agama Islam dalam kalangan etnik bumiputera dan saranan pembakaran Bible versi Bahasa Melayu menggunakan kalimah Allah (Azizan et al. 2014). Jika polemik sebegini tidak ditangani secara bijaksana, ia bakal mengundang padah kepada masyarakat seperti yang berlaku di Ambon (1999), Takbai (2004) dan Muslim Rohingya, Myanmar. Antara bentuk-bentuk konflik yang menjurus kepada agama adalah kekeliruan berkaitan sinkretisme agama, penghinaan agama di media sosial, penggunaan kalimah Allah oleh gereja dan pertikaian berkisar Perkara 11 Perlembagaan Persekutuan.

KEKELIRUAN BERHUBUNG SINKRETISME ANTARA AGAMA

Kepelbagaiannya kaum dan agama sering menimbulkan persoalan dalam masyarakat tentang cara terbaik untuk hidup bersama walau berlainan agama. Begitu juga dalam berhadapan dengan ritual, perayaan dan cara hidup yang berbeza. Antaranya isu mengucapkan selamat pada perayaan bukan Islam serta menghadiri majlis sambutan perayaan mereka. Berhubung ini,

Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia Kali Ke-78 yang bersidang pada 12 Jun 2007 memfatwakan:

Memberi ucapan tahniah dan selamat atau mengirimkan ucapan melalui kad atau alat-alat telekomunikasi seperti e-mel atau sistem pesanan ringkas (SMS) dan sebagainya kepada orang bukan Muslim sempena dengan perayaan agama mereka adalah harus, dengan syarat ucapan itu tidak mengiktiraf, memuji atau memuliakan agama bukan Muslim serta tidak menggunakan sebarang simbol atau lambang keagamaan mereka dalam kiriman ucapan tersebut.

Islam tidak mengiktiraf sebarang bentuk sinkretisme dalam urusan agama dan peribadatan seperti yang ditegaskan dalam surah al-Kafirun, ayat 1-6. Melalui ayat ini, Rasulullah SAW diperintahkan untuk secara tegas menyatakan keengganannya Baginda untuk bersama-sama dengan orang kafir dalam penyembahan mereka. Ia kerana apa yang dipercayai oleh mereka adalah bercanggah dengan ajaran Islam dalam semua sudut seperti apa yang disembah dan cara menyembah. Ini juga membawa maksud antara tauhid dan syirik tidak mungkin bersatu atau didamaikan. Konsep tauhid itu sendiri merujuk kepada penafian sebarang bentuk sekutu kepada Allah SWT. Hanya Dia yang layak disembah. Manakala dalam hal berkaitan budaya, selagi mana unsur luar itu tidak mencemarkan ketulenan agama, maka ia boleh disesuaikan dan diasimilasikan dalam masyarakat Islam. Justeru, umat Islam perlu sedar tentang bentuk penyatuan yang diharuskan syarak dan sebaliknya agar tidak timbul kekeliruan dalam kalangan mereka khususnya melibatkan perkara yang zahirnya nampak sama. Sebagai contoh, pengorbanan yang menjadi kepercayaan primitif dengan pensyariatan korban dalam Islam. Meskipun kedua-duanya membawa konsep pengorbanan, namun hakikat pengorbanan kedua-duanya adalah berbeza (Ros Aiza & Che Zarrina 2016). Firman Allah SWT dalam surah al-Syura, ayat 15:

Maka kerana itu serulah (mereka kepada agama ini) dan tetaplah sebagai mana diperintahkan kepadamu dan janganlah mengikuti hawa nafsu mereka dan katakanlah: “Aku beriman kepada semua Kitab yang diturunkan Allah dan aku diperintahkan supaya berlaku adil diantara kamu. Allah-lah Tuhan kami dan Tuhan kamu. Bagi kami amal-amal kami dan bagi kamu amal-amal kamu. Tidak ada pertengkar antara kami dan kamu, Allah mengumpulkan antara kita dan kepada-Nya-lah kembali (kita).”

Dalam hal ini, kekeliruan sebenarnya berpuncak daripada kejihilan terhadap perbezaan antara agama lain dengan Islam itu sendiri. Ini berkaitan dengan kefahaman yang rendah dalam kalangan masyarakat tentang ilmu perbandingan agama. Kesannya, dua bentuk ekstrimisme berlaku dalam beragama sama

ada individu itu sebagai Islam yang liberal dalam segala aspek pergaulan dengan agama lain termasuk akidah antara yang menjadi polemik semasa ialah mengenai pluralisme agama. Kejadian sebegini boleh dilihat daripada satu kajian Khadijah et al. (2014) daripada hasil dapatan kajian terhadap toleransi dan pluralisme menurut pengalaman masyarakat Bidayuh yang majoriti adalah Muslim mencatatkan sebanyak 29% pasangan beza agama iaitu Muslim dan bukan Islam yang berkahwin tanpa menukar agama.

Manakala, satu bentuk ekstremisme lagi ialah individu itu sebagai Islam yang begitu rigid terhadap bukan Islam. Dalam erti kata lain, seseorang Muslim itu lebih selesa dengan kehidupannya itu yang hidup dalam negara majoriti Muslim seperti Malaysia namun dalam masa yang sama kerisauan untuk bergaul dengan bukan Islam di sekelilingnya. Ini jelas terbukti daripada tulisan Khairul Azhar Meerangani et al. (2013) yang meletakkan beberapa permasalahan dakwah terhadap bukan Islam yang berlaku dalam negara ini antaranya keimbangan melampau terhadap pengaruh agama lain dan kecelaruan memahami rituak dan budaya agama lain. Maka, dua bentuk ekstremisme ini berlaku adalah disebabkan kecetekanan ilmu mengenai perbandingan agama sehingga akhirnya seseorang itu tidak mampu membezakan perkara yang boleh dipersetujui bersama dalam kepelbagaiannya dan ada perkara yang tidak boleh dipersetujui bersama. Jadi, di sini puncanya kekeliruan yang terjadi di Malaysia dan beberapa negara lain yang memiliki masyarakat majmuk.

PENGHINAAN AGAMA DI MEDIA SOSIAL

Perkembangan dalam bidang teknologi dan komunikasi memperlihatkan kemunculan pelbagai laman sesawang media sosial seperti *Facebook*, *Youtube*, *Twitter* dan *Whatsapp*. Penggunaan laman media sosial ini mempunyai kesan positif dan negatif. Antara kesan negatifnya adalah apabila kemudahan ini digunakan sebagai medium utama penyebaran mesej berbaur penghinaan agama dan kaum. Ini kerana pemilik akaun beranggapan dirinya tidak mampu dikesan oleh pihak berkuasa. Sedangkan sebaran berupa penghinaan dan hasutan ini termasuk dalam jenayah siber kerana bertujuan menimbulkan permusuhan secara sengaja. Pelbagai usaha dilakukan oleh pihak berkuasa untuk mengekang gejala negatif ini meskipun sukar untuk ditangani. Namun, tindakan yang dilakukan pihak berwajib ini memperlihatkan amaran kepada masyarakat agar berhati-hati dalam memuat naik sesuatu yang berunsurkan konflik antara agama dan masyarakat (Azila 2014).

Kemudahan akses dan liputan meluas media sosial ini menjadikan ia adalah sumber utama hiburan dan maklumat generasi muda (Ab Halim & Zarin 2005). Kerana itu juga, penggunaan media sosial begitu sinonim dengan generasi muda hari ini (Johari & Raja Shahrina 2012) menjadikan sebaran berlaku dengan begitu mudah tanpa usul periksa. Tambahan pula, masyarakat hari ini termasuk dalam generasi kedua dalam pandangan Ibnu Khaldun. Generasi kedua ini tidak memiliki semangat juang seperti generasi pertama. Mereka juga tidak menghayati kepentingan perpaduan masyarakat sebaliknya mempersoalkan sebarang usaha dan perjanjian antara kaum yang telah dipersetujui dahulu berpunca daripada hilang kepercayaan dan rasa saling menghormati sesama sendiri. Selain itu, sikap individualistik dan agnostik yang mula sebatи dalam diri generasi akibat daripada kepesatan teknologi komunikasi didapati melunturkan kepedulian sosial dalam diri sekaligus mengaburi pemikiran berhubung kepentingan agama dalam pembinaan sebuah negara (Khadijah & Mohd Herzali 2008).

ISU PENGGUNAAN KALIMAH ALLAH

Polemik penggunaan kalimah Allah oleh masyarakat bukan Islam bermula pada tahun 2007 apabila pengarang akhbar *Herald – The Catholic Weekly* menyatakan permit penerbitan akhbar tersebut telah diluluskan oleh Kementerian Dalam Negeri (KDN) tanpa larangan penggunaan kalimah Allah. Ini kerana akhbar tersebut diterbitkan di semenanjung yang mempunyai komposisi masyarakat Muslim lebih ramai berbanding Kristian. Namun begitu, kenyataan pengarang akhbar tersebut dinafikan oleh pihak KDN dengan menyatakan larangan itu masih kekal. Ini menjadikan pihak gereja dan KDN melalui pelbagai proses mahkamah termasuk rayuan sehingga keputusan Mahkamah Persekutuan pada 2014 menetapkan untuk menolak permohonan pihak gereja. Antara hujah yang dikemukakan oleh pihak gereja adalah ketiadaan hukum secara jelas dalam Islam berkenaan larangan penggunaan kalimah Allah oleh bukan Islam di samping perbezaan pandangan dalam kalangan pihak berautoriti Islam berhubung isu ini (Khairul Azhar & Rushdi 2016).

Para ulama mempunyai dua pandangan yang berbeza dalam hal ini. Satu kumpulan membenarkan penggunaan kalimah Allah oleh bukan Islam berdasarkan dalil al-Quran (31: 25) di mana mereka menggunakan kalimah Allah dalam keadaan jahil tentang hakikat Tuhan itu sendiri. Kalimah Allah tidak lebih sekadar satu perkataan yang mereka

pernah dengar daripada generasi sebelumnya sedangkan mereka lebih meyakini berhalal sembahannya sebagai wasilah dalam mendekatkan diri kepada Allah. Kepercayaan ini juga adalah menyimpang sebagaimana pengakuan kaum Nasrani bahawa Nabi Isa AS adalah anak Allah (al-Quran 9: 30). Selain itu, peristiwa perjanjian Hudaibiyah di mana Rasulullah SAW menggunakan kalimah basmalah ketika menulis perjanjian tersebut dijadikan sebagai hujah keharusan penggunaan kalimah Allah oleh bukan Islam. Sebagai kesimpulan, pandangan yang mengharuskan ini adalah berdasarkan kepada hukum asal penggunaan kalimah Allah seperti pada zaman Rasulullah SAW (Khairul Azhar & Rushdi 2016).

Manakala pandangan kedua iaitu melarang penggunaan kalimah Allah oleh bukan Islam berdasarkan kepada nas al-Quran, fakta sejarah dan teori linguistik. Hujah mereka adalah kalimah Allah dalam surah al-Ikhlas menegaskan keesaan Allah sebagai Tuhan semesta alam. Mana-mana pandangan atau penggunaan kalimah Allah bagi tujuan syirik perlu dihalang. Ini kerana kemuliaan kalimah Allah sama sekali tidak wajar disandarkan kepada makhluk yang lemah seperti yang ada dalam konsep triniti Kristian. Maka, dalam isu tuntutan pihak gereja ini jelas menunjukkan tujuan mereka menyandarkan kalimah Allah kepada makhluk sekali gus membawa kepada syirik. Atas dasar ini, penggunaan kalimah Allah oleh gereja adalah dilarang sama sekali di samping ia adalah sinonim dengan masyarakat Muslim di Malaysia, penggunaannya oleh pihak gereja turut dibantah oleh sebahagian sarjana Kristian sendiri (Khairul Azhar & Rushdi 2016).

Berhubung ketiadaan dalil larangan penggunaan kalimah Allah oleh bukan Islam, MAIS (2013) telah mengemukakan beberapa hujah antaranya adalah orang bukan Islam bukan mukallaf, maka mereka tidak tertakluk kepada hukum haram sebagaimana juga tidak tertakluk kepada hukum lain seperti wajib, sunat dan seumpamanya. Tambahan pula, tuntutan gereja ini bukan bersifat mengiktiraf Allah sebagai Tuhan, sebaliknya mereka menginginkan agar tuhan mereka diiktiraf sebagai Allah. Ini ternyata membuka ruang yang luas untuk berlaku syirik dalam masyarakat Malaysia. Maka, atas kepentingan memelihara agama (*hifz al-din*), tuntutan ini adalah serius dan perlu kepada bantahan umat Islam secara kolektif.

PERTIKAIAN PERKARA 11 PERLEMBAGAAN PERSEKUTUAN MALAYSIA

Perkara 11 Perlembagaan Persekutuan Malaysia merupakan sandaran dalam pengamalan *al-ta'ayusy*

antara masyarakat. Melalui perkara tersebut, umat Islam dan penganut agama lain diberikan kebebasan dalam beramal dengan agama masing-masing dengan syarat mana-mana agama lain tidak boleh melakukan sebarang bentuk tindakan penyebaran kepada umat Islam. Namun begitu, terdapat usaha untuk mengganggu-gugat kedudukan agama Islam dan *al-ta'ayusy* antara agama di negara ini sehingga melibatkan institusi kehakiman. Kekacauan seumpama ini perlu ditangani segera memandangkan ia dilihat sebagai satu cubaan ke arah meletakkan Islam setaraf dengan agama-agama lain sedangkan selama ini tidak timbul isu penindasan terhadap agama dan bangsa lain dengan adanya artikel tersebut. Buktinya, agama-agama lain bebas diamalkan dan pembinaan rumah-rumah ibadat agama lain dibenarkan (Khadijah & Mohd Herzali 2008).

Isu yang sering timbul berkaitan artikel ini adalah permohonan keluar Islam, status anak mereka yang memeluk Islam dan hak kebebasan beragama. Menurut Mohd Sabree dan Mohd Sopiee (2016), murtad atau keluar agama Islam adalah berbeza dengan hak kebebasan beragama yang dijamin oleh Perkara 11 Perlembagaan Persekutuan. Perkara 11 tersebut hanya merujuk kepada kebebasan mempertahankan dan mengamalkan agama masing-masing. Kekeliruan berkaitan perkara ini menimbulkan konflik khususnya berkaitan dengan permohonan murtad. Konflik yang timbul berpunca daripada permohonan murtad yang dikemukakan di Mahkamah Persekutuan menyebabkan mahkamah menghakiminya dengan pentafsiran terhadap Perlembagaan Persekutuan. Pentafsiran ini sewajarnya dibuat dengan mengikuti acuan Perlembagaan Persekutuan yang mengiktiraf Islam sebagai agama utama dan bukan berdasarkan pemikiran liberal atau amalan undang-undang di negara lain. Ini adalah penting agar konflik murtad antara jenayah syariah dan hak kebebasan beragama tidak timbul.

PENDEKATAN FIQH TA'AYUSY DALAM MASYARAKAT MAJMUK

Pendekatan *al-ta'ayusy* atau perkongsian harmoni merupakan satu kaedah yang penting dalam menangani konflik antara agama. Secara dasarnya, nilai-nilai agama Islam memiliki banyak persamaan dengan nilai-nilai agama lain dari segi nilai sejahtera yang diterima dan diamalkan (Nur Azuki 2015). Masyarakat hari ini diseru agar mengamalkan *al-ta'ayusy* dalam berurus dengan bukan Islam. Menjadi kewajipan bagi setiap umat Islam untuk menyeru manusia agar memeluk Islam dengan erti

kata sebenar. Namun, apabila seruan dakwah ini tidak diterima maka golongan ini perlu dilayani dengan berpandukan kaedah-kaedah yang tertentu bagi menghalang berlakunya pertumpahan darah antara agama, membolehkan manusia untuk berusaha dan bekerja di dunia, menegakkan keadilan dan saling bantu-membantu antara satu dengan yang lain walaupun berlainan agama. Kaedah khusus ini disebut sebagai *al-ta’ayusy* yang melibatkan hubungan antara Muslim dengan bukan Muslim yang hidup dalam negara Islam atau disebut sebagai *ahl al-dhimmah*. Ia juga merangkumi pergaulan dengan mereka yang mempunyai jaminan keselamatan dengan negara Islam. Bagi tujuan ini, terdapat tiga bentuk pendekatan *al-ta’ayusy* iaitu dialog (*al-Hiwar*), dakwah kepada Islam dan penerimaan agama lain (*Qabul al-Akhar*) (al-Syarif 2003). Hubungan dengan golongan ini disifatkan sebagai hubungan yang terikat (*‘aqd muayyad*) kerana mereka berhak diberikan kebebasan beragama dan berhak untuk dipelihara oleh negara dan masyarakat Muslim selagi mereka membayar jizyah dan tunduk kepada undang-undang Islam selain daripada hal ehwal agama mereka (al-Qaradawi t.th). Dalam konteks Malaysia, Khairul Azhar et al. (2018) menyenaraikan beberapa prinsip asas yang sesuai diaplikasikan dalam mewujudkan *al-ta’ayusy* iaitu pelarasan medium komunikasi (al-Quran 16: 125), pembinaan persefahaman (al-Quran 49: 13), penyuburan toleransi, pelunasan keadilan (al-Quran 4: 58), penyaluran kebaikan sosial (al-Quran 60: 8) dan penghindaran provokasi (al-Quran 6: 108).

PENDEKATAN DIALOG

Dialog yang dimaksudkan adalah melibatkan antara budaya dan antara agama ke arah kehidupan yang harmoni dan seimbang (Mohamad Zaidin et al. 2016). Justeru, pendekatan dialog perlu mempunyai ciri-ciri seperti bersedia untuk berdialog demi kesejahteraan antara masyarakat, tidak mempunyai agenda tersembunyi dan tidak saling menipu daya (al-Syarif 2003). Ini antara hikmah Rasulullah SAW menghantar utusan kepada raja Najasyi, seorang Nasrani yang memerintah Habsyah tatkala umat Islam terus menerus ditindas oleh kaum Quraisy. Begitu juga apabila baginda menghantar utusan ke kuasa-kuasa besar lain dengan membawa mesej dakwah dan pendekatan dialog. Namun begitu, umat Islam tetap sentiasa perlu berada dalam keadaan berhati-hati seperti yang dinyatakan firman Allah SWT dalam surah al-Ankabut, ayat 46:

Dan janganlah kamu berdebat dengan Ahli Kitab, melainkan dengan cara yang paling baik, kecuali dengan orang-orang zalim

di antara mereka, dan katakanlah: “Kami telah beriman kepada (kitab-kitab) yang diturunkan kepada kami dan yang diturunkan kepadamu; Tuhan kami dan Tuhanmu adalah satu; dan kami hanya kepada-Nya berserah diri.”

Antara contoh pendekatan dialog yang dinyatakan dalam al-Quran adalah dalam surah Ali ‘Imran, ayat 65:

Maksudnya: Hai Ahli Kitab, mengapa kamu bantah membantah tentang hal Ibrahim, padahal Taurat dan Injil tidak diturunkan melainkan sesudah Ibrahim. Apakah kamu tidak berfikir?

Ini bermakna, dialog antara agama adalah perkara yang diharuskan dengan memelihara batas-batas antara agama dan bertujuan kebaikan. Adapun dalam menghadapi golongan yang berniat jahat seperti Yahudi, maka dialog bukan merupakan kaedah terbaik. Selanjutnya dalam konteks hari ini, dialog boleh diadakan dengan pelbagai cara antaranya dengan mewujudkan pertubuhan untuk berdialog dalam kalangan masyarakat barat. Tujuannya adalah untuk memberi penerangan sebenar tentang ajaran Islam agar salah faham terhadap Islam dan umatnya dapat dikurangkan. Selain itu, pertubuhan seumpama ini juga perlu diadakan dalam kalangan masyarakat Islam sendiri. Ia bertujuan untuk mengukuhkan pegangan umat Islam terhadap agamanya (al-Syarif 2003).

Kekurangan ilmu tentang agama sendiri dan perbandingan dengan agama lain mendedahkan umat Islam kepada ancaman akidah dan pemikiran daripada musuh-musuh Islam. Kaedah ketiga adalah melakukan dialog melalui media dan kecanggihan teknologi. Langkah ini penting kerana sebaran melalui media memiliki ruang cakupan yang lebih luas sehingga membantu dalam membentulkan salah tanggapan orang bukan Islam terhadap Islam dan Muslim itu sendiri (al-Syarif 2003). Dialog antara agama perlu dilakukan secara berakhhlak berdasarkan beberapa prinsip yang digariskan oleh Bediuzzaman Said Nursi iaitu dialog hendaklah disampaikan dengan kasih sayang, penjelasan tentang Islam dilakukan dengan bijaksana, mengakui dan menerima teguran atas kesalahan yang dilakukan, berhati-hati agar tidak mengeluarkan pernyataan yang mencemarkan kesucian Islam, membuang rasa keakuan sebaliknya merendah diri, dialog juga perlu diwakili oleh mereka yang benar-benar inginkan kesefahaman dan menjauhi konflik. Peserta dialog juga perlu bersepakat atas asas-asas kebaikan bersama, tidak boleh menghukum atas kesalahan yang dilakukan oleh orang lain, di samping berusaha mengambil kata putus dalam berhadapan dengan konflik yang dihadapi bersama, mengaplikasikan agama dalam

mencari penyelesaian masalah masyarakat, bersabar, berkata benar dan saling memaafkan (Mohamad Zaidin et al. 2016)

BERDAKWAH KEPADA KEBENARAN AJARAN ISLAM

Dalam Islam, berdakwah merupakan satu kewajipan bagi umatnya. Ini dapat difahami berdasarkan sirah Rasulullah SAW yang meletakkan dakwah sebagai perkara pokok dalam setiap tindakan Baginda termasuk muamalah Baginda SAW dengan keluarga, para sahabat, musuh mahupun kerajaan-kerajaan luar Madinah. Gerakan dakwah adalah penting terutama dalam menghadapi salah faham tentang Islam khususnya Islamophobia dalam kalangan masyarakat bukan Islam. Selain daripada berpunca daripada perancangan kaum kuffar dalam mengelirukan masyarakat dunia, kelemahan umat Islam dalam dakwah turut mengeruhkan keadaan. Kelemahan mereka dalam aspek ketenteraan, ekonomi, sosial, pengetahuan dan kebudayaan, serta cara hidup yang menjauhi al-Quran dan sunnah di samping dikuasai oleh perkara-perkara khurafat turut menyumbang kepada kurangnya ilmu berkaitan agama sendiri.

Hal ini mengakibatkan umat Islam tidak mampu menjelaskan tentang Islam apabila diasak dengan persoalan atau kekeliruan yang dikemukakan daripada masyarakat bukan Islam. Begitu juga kejahilan akan mengundang tindakan berdasarkan kepada sentimen dan emosi semata-mata. Sedangkan pertimbangan ilmu dan rasional sangat penting dalam mengamalkan *al-ta'ayusy* antara agama. Maka, untuk membangunkan umat Islam yang berilmu dan menyebarkan dakwah kepada bukan Islam, peranan media sosial dan teknologi komunikasi perlu dimanfaatkan agar menjadi penawar kepada kejahilan umat Islam dan salah faham dalam kalangan bukan Islam (al-Syarif 2003). Ilmu merupakan satu-satunya wasilah dalam menyatukan masyarakat dengan penguasaan dua disiplin ilmu yang utama iaitu agama dan sains moden. Kejahilan hanya akan mengakibatkan perpecahan dalam masyarakat dan kelemahan dalam aspek tenaga, kewangan, masa dan seumpamanya. Perlu diingatkan juga bahawa strategi utama musuh dalam melemahkan umat Islam adalah menghapuskan kedudukan al-Quran daripada perspektif Muslim dan menjauhkan umat Islam daripada ajaran al-Quran dalam kehidupan. Melalui pendidikan, rasisme melampau dapat diatasi. Ini kerana, para pelajar perlu berinteraksi dalam mendapatkan ilmu. Proses sosialisasi ini dapat menyuburkan rasa kebersamaan antara mereka

sehingga mereka boleh melakukan dialog secara ilmiah walaupun berbeza latar belakang agama dan budaya (Mohamad Zaidin et al. 2016).

PENERIMAAN AGAMA YANG LAIN

Pendekatan penerimaan agama lain merupakan satu keperluan apabila umat Islam perlu hidup dan bergaul dengan bukan Islam. Penerimaan yang dimaksudkan adalah berbentuk meraikan dan mengiktiraf mereka sebagaimana yang dilakukan oleh para sahabat dalam bermuamalah dengan ahli kitab dan majusi, memastikan golongan bukan Islam tidak melakukan penentangan terhadap umat Islam dan tidak mengadakan pakatan jahat dengan mereka yang berniat memudaratkan umat Islam serta memastikan mereka tidak menyebarkan dakyah kesesatan mereka dalam kalangan masyarakat majoriti Muslim (al-Syarif 2003). Ini kerana perbezaan agama bukan alasan untuk berlaku tidak adil tetapi Islam itu sendiri terdiri atas sifat berkasih sayang. Sifat ini diamalkan sama ada dalam berurus sesama Muslim mahupun dengan bukan Muslim yang tidak memperlihatkan permusuhan terhadap agama Islam dan umatnya (Khadijah & Mohd Herzali 2008; al-Qaradawi t.th).

Umat Islam juga diharamkan membantu orang bukan Islam menyebarkan agama mereka, membina tempat ibadat mereka, mengajarkan cara ibadat mereka atau menghadiri upacara keagamaan mereka kerana perkara ini mengundang kepada melemahkan kedudukan agama Islam di sebuah negara. Sebaliknya, mengkaji agama lain dengan tujuan untuk mengkritik dan berdialog merupakan perkara yang dituntut dalam Islam. Begitu juga dari segi mempelajari satu-satu ilmu daripada orang bukan Islam kerana menuntut ilmu adalah wajib. Tambahan pula, jika kepakaran itu tidak dimiliki oleh umat Islam. Dalam masa yang sama, sebarang bentuk usaha untuk menguasai umat Islam dengan kebudayaan bukan Islam adalah dilarang (Syari'ati 2009). Pengiktirafan diberi kepada kewujudan agama selain Islam dan bukan keabsahan agama tersebut. Maka, ia tidak boleh sampai kepada mengorbankan kesucian Islam atau mengabaikan agama-agama lain (Khadijah & Mohd Herzali 2008).

Ini bermakna, penerimaan agama lain mempunyai lima syarat utama iaitu pertama, masyarakat bukan Islam perlu mematuhi undang-undang yang telah ditetapkan dalam negara Islam. Kedua, penerimaan ini bermaksud bersama-bersama untuk hidup sebagai satu masyarakat. Dengan ini, setiap ahli masyarakat mempunyai hak di samping terikat dengan undang-undang dan agama masing-masing. Kefahaman ini

adalah penting kerana sejarah menunjukkan konflik antara agama berlaku dalam sebuah negara adalah kerana adanya paksaan untuk keluar daripada agama asal dan menganut agama pemerintah seperti yang berlaku di Burma, Selatan Filipina, Kashmir dan Chechnya (al-Syarif 2003).

Ketiga, dialog yang berkesan perlu diadakan sentiasa agar kebenaran dapat dibezakan daripada kebatilan. Keempat, perlu bersikap tolak ansur dari segi memberi kebebasan kepada bukan Islam untuk melazimi dan kekal dengan syiar agama mereka, mendirikan pertubuhan-pertubuhan berkaitan pemikiran dan kebudayaan mereka. Kelima, memelihara perintah syarak dalam berurus dengan mereka secara baik iaitu menjaga hak bersama, mempertahankan mereka daripada musuh, memberikan hak untuk bekerja, mencari rezeki, pemilikan harta dan seumpamanya (al-Syarif 2003; al-Qaradawi t.th). Pemeliharaan hak orang bukan Islam ini termasuk dalam asas ihsan dalam *al-ta'ayusy* (Syari'ati 2009). Firman Allah SWT dalam Ali 'Imran, ayat 64:

Maksudnya: Katakanlah: Hai Ahli Kitab, marilah (berpegang) kepada suatu kalimat (ketetapan) yang tidak ada perselisihan antara kami dan kamu, bahwa tidak kita sembah kecuali Allah dan tidak kita persekutukan Dia dengan sesuatupun dan tidak (pula) sebagian kita menjadikan sebagian yang lain sebagai tuhan selain Allah. Jika mereka berpaling maka katakanlah kepada mereka: "Saksikanlah, bahwa kami adalah orang-orang yang berserah diri (kepada Allah)."'

SYARAT-SYARAT AL-TA'AYUSY

Terdapat beberapa syarat *al-ta'ayusy* yang perlu dipatuhi dalam bermuamalah dengan masyarakat bukan Islam iaitu memelihara ketinggian Islam dan membezakannya dengan agama dan ideologi lain, memelihara '*aqidat al-wala' wa al-barra'*, mengadakan dialog yang berpaksikan kepada kebenaran Islam dan rasulnya serta mengaplikasikan syariat Islam di negara-negara majoriti Muslim. '*Aqidat al-wala' wa al-barra'* bermaksud menyerahkan kepimpinan (*al-wala'*), kecintaan dan pertolongan kepada sesama Muslim di samping berlepas diri (*al-barra'*) daripada golongan kafir dan mereka yang menyeleweng daripada agama (al-Mujadalah: 22, al-Ma'idah: 54, al-Fath: 29). Pendekatan ini berbeza dengan *al-Birr wa al-Ihsan* di mana dua pendekatan ini digunakan dalam menghadapi ahli kitab dan orang kafir yang tidak memerangi Islam sama ada dalam keadaan mereka tinggal dalam negara Islam atau umat Islam tinggal dalam negara mereka. Jelasnya, berlaku baik dan bertolak ansur terhadap ahli kitab tidak bererti

menjadikan mereka sebagai pemimpin. Kekeliruan yang timbul dengan menyatakan kedudukan Islam adalah sama seperti agama lain berpunca daripada salah faham tentang konsep tolak ansur (*al-tasamuh*) itu sendiri. Toleransi dalam Islam hanya merujuk kepada urusan persendirian (*mu'amalah syakhsiyah*) dan bukan dari aspek iktikad (*al-tasawwur al-i'tiqadi*) dan sistem sosial (*al-nizam al-ijtima'i*) (al-Syarif 2003). Dengan erti kata lain, sudut fungsional agama seperti nilai moral, proses penyatuan, semangat kebangsaan, pemerintahan, perpaduan nasional adalah termasuk dalam perkara yang boleh dihubungkan antara agama. Manakala, sudut substantif agama seperti konsep ketuhanan, ritual agama adalah perkara yang tidak boleh dihubungkan kerana setiap satunya tidak sama dan tidak akan sama (Nur Azuki 2015; Khadijah & Mohd Herzali 2008).

Sehubungan itu, al-Qaradawi (dalam Khairul Azhar et al. 2018) mencadangkan empat prinsip utama bagi umat Islam dalam mengamalkan *al-ta'ayusy* iaitu mengakui dan mengiktiraf atas kemuliaan manusia, menerima bahawa perbezaan agama merupakan sebahagian daripada sunnatullah, memahami bahawa Muslim tidak dituntut untuk bermusuhan dengan bukan Islam disebabkan kekufturan mereka di samping berpegang dengan prinsip kebebasan beragama dan meyakini bahawa berlaku adil dan menunaikan hak sesama manusia merupakan satu kewajipan.

Pendekatan *ta'ayusy* perlu proaktif dan bersedia mencari nilai persamaan di sebalik perbezaan untuk menghormati serta menghargai kepercayaan orang lain. Ia dizahirkan melalui ketelusan dalam interaksi antara agama di samping rasional. Justeru, usaha daripada semua pihak amat diperlukan kerana isu agama melibatkan setiap ahli masyarakat. Antara kaedah yang dicadangkan adalah mempelbagai interaksi agama, memperbanyak program dialog dan perbincangan antara tokoh agama khususnya di sekolah dan pengajian tinggi. Subjek agama-agama di Malaysia juga wajar diseragamkan di samping mengambil berat terhadap kefahaman warga Malaysia tentang kepentingan menghormati Perlembagaan Persekutuan Malaysia yang merupakan jati diri bangsa ini (Khadijah & Mohd Herzali 2008).

KESIMPULAN

Malaysia sebagai sebuah negara yang terdiri daripada masyarakat pelbagai agama, kaum dan bangsa tentunya mempunyai cabarannya tersendiri dalam memupuk perpaduan. Kesatuan masyarakat adalah benteng negara dalam menghadapi ancaman luaran

dan dalaman. Konsep *fiqh al-ta'ayusy* yang ada dalam Islam perlu diperkasa dari segi dialog antara agama, berdakwah kepada kebenaran Islam di samping adanya penerimaan agama lain. Meskipun secara zahir masyarakat mengutamakan keharmonian sejagat berbanding kepentingan diri, namun tidak dinafikan bahawa sentimen sempit seperti perkauman dan agama berperanan dalam menggugat perpaduan masyarakat. Tambahan pula, dengan kepesatan teknologi dan penggunaan media sosial yang bersifat pengguna tanpa nama (*anonymous*) membuka ruang penyebaran elemen-elemen negatif seumpama ini. Sehingga kini, dapat dirumuskan bahawa isu antara agama yang berlaku di Malaysia khususnya yang menimpa umat Islam adalah suatu cabaran dalam mengekalkan persefahaman antara masyarakat majmuk itu sendiri. Keharmonian antara penganut agama boleh dikecapi melalui penelitian dan pengaplikasian yang telah dibentuk pada zaman kegemilangan Islam.

Pendekatan *fiqh al-ta'ayusy* didapati solusi terbaik dalam menangani konflik antara agama kerana di dalamnya terkandung sifat keterbukaan dalam mengkaji realiti agama lain, memahami nilai-nilai sejagat antara agama dan ruang berbincang berkenaan agama Islam di hadapan penganut agama lain. Maka, dalam pada umat Islam berpeluang untuk mengenali agama lain lebih dekat, ajaran Islam sebenar turut dapat dijelaskan secara lebih terperinci kepada masyarakat awam. Tidak dinafikan bahawa kejahilan adalah faktor utama kepada berlakunya konflik dalam masyarakat di samping peranan media sosial yang menyebarkan elemen hasutan. Konflik yang dilihat berlaku atas nama agama pada hakikatnya berpunca daripada salah faham dan hasutan pihak luar. Maka, kejahilan ini perlu ditangani terlebih dahulu melalui dialog dan penjelasan yang bakal menghasilkan kesefahaman serta penerimaan antara agama. Umumnya, setiap penganut agama yang sebenar tidak akan sama sekali bersetuju untuk melakukan kekerasan ke atas orang lain hanya kerana perbezaan agama.

PENGHARGAAN

Makalah ini ialah satu daripada hasil penyelidikan bagi Geran Penyelidikan dan Inovasi KUIS (GPIK) di bawah projek bertajuk ‘Kefahaman Ilmu Perbandingan Agama dalam Kalangan Mahasiswa di IPTA Negeri Selangor,’ Kod Projek 210005127.

RUJUKAN

- Ab Halim Tamuri & Zarin Ismail. 2005. Nilai akhlak dan pengaruh media massa di kalangan remaja Islam luar bandar. *Islamiyyat* 27(2): 57-70.
- al-Qaradawi, Y. t.th. *Ghayr al-Muslimin fi al-Mujtama'* *al-Islamiy*. <http://www.al-mostafa.com>. Diakses pada: 8 Mac 2018.
- Al-Qur'an*.
- al-Syarif, M. M. 2003. *al-Taqarrub wa al-Ta'ayusy ma'a Ghayr al-Muslimin*. Jeddah: Dar al-Andalus al-Khadra'.
- Azizan Baharudin, Zaid Ahmad & Ahmad Tarmizi Talib et al. 2014. *Laporan Penyelidikan Kajian Isu dan Cabaran Hubungan Antara Penganut Agama di Malaysia*.
- JAKIM. 2005. *Garis Panduan Orang Islam Turut Merayakan Hari Kebesaran Agama Orang Bukan Islam*. 12 April. <http://www.islam.gov.my/rujukan/garis-panduan/115-garis-panduan-orang-islam-turut-merayakan-hari-kebesaran-agama-orang-bukan-islam>. Diakses pada: 8 Mac 2018.
- Johari Hasan & Raja Shahrina Raja Abdul Rashid. 2012. Ketagihan penggunaan internet di kalangan remaja sekolah tingkatan 4 di Bandaraya Johor Bahru. *Journal of Technical, Vocational & Engineering Education* 6: 23-43.
- Khadijah Mohd Khambali @ Hambali & Mohd Herzali Mohd Haled. 2008. Toleransi Beragama dan Amalannya Di Malaysia: Rujukan kepada Artikel 11 Perlombagaan Persekutuan Malaysia. *Jurnal Usuluddin* 27: 81-92.
- Khadijah Mohd Khambali @ Hambali, Wan Ariffin Wan Yon & Suraya Sintang. 2014. Toleransi dan Pluralisme Menurut Pengalaman Masyarakat Bidayuh dalam *Jurnal Usuluddin* 40 (Julai-Disember): 99-133.
- Khairul Azhar Meerangani & Rushdi Ramli. 2016. Isu Penggunaan Kalimah Allah oleh Pihak Kristian: Analisis Menurut Hukum Islam. *Jurnal Fiqh* 13: 117-138.
- Khairul Azhar Meerangani, Ahmad Faqih Ibrahim & Muhammad Hilmi Mat Johar. 2018. Prinsip asas interaksi inter-agama di Malaysia menurut perspektif Islam. *Prosiding Kolokium Penyelidikan Kebangsaan*, hlm. 872-885.
- Khairul Azhar Meerangani, Muhammad Asyraf Ahmad Termimi & Rushdi Ramli. 2013. Dakwah terhadap bukan Islam di Malaysia: Realiti dan Cabaran dalam E-Prosiding Seminar Antarabangsa Dakwah dan Pembangunan Insan: 487-504.
- MAIS. 2013. *Wajib Pelihara Kesucian Nama Allah*. Selangor: Majlis Agama Islam Selangor.
- Mohamad Zaidin Mohamad, Fadzli Adam, Rahimah Embong, Bazli Shafie, Mohd Afandi Salleh & Daud Ismail. 2016. Strategies for unifying humankind through the empowerment of civilizational dialogue according to Bediuzzaman Said Nursi. *The Social Science* 11(24): 5824-5829.

- Mohd Sabree Nasri & Mohd Sopiee Shiddeq. 2016. Murtad: Antara Hak Kebebasan Beragama dan Kesalahan Jenayah Syariah di Malaysia. *Jurnal 'Ulwan* 1: 1-17.
- Nur Azuki Yusuff. 2015. Isu dan Permasalahan Antara Agama di Malaysia Kini dan Jalan Penyelesaiannya. Kertas kerja dibentangkan dalam Kursus Perbandingan Agama, Anjuran Institut Kefahaman Islam Malaysia dan Institut Latihan Islam Malaysia Wilayah Timur (ILTIM), Terengganu, 12 Februari.
- Rasyum, M. t.th. *Fiqh al-Ta'ayusy ma'a al-Akhar min Manzur al-Madhhab al-Maliki*. T.pt: T.pt. <https://www.asjp.cerist.dz/en/downArticle/91/2/3/26607>. Diakses pada: 6 Mac 2018.
- Ros Aiza Mohd Mokhtar & Che Zarrina Sa'ari. 2016. Sinkretisme dalam adat tradisi masyarakat Islam. *Jurnal Usuluddin* 43 (Januari-Jun 2016): 69-90.
- Syari'ati, R. A. 2009. *Fiqh al-Ta'ayusy Ghayr al-Muslimin fi al-Mujtama' al-Islamiy (Huququhum wa Wajibatuhum)*. Terj. al-Jaza'iri. Bayrout: Markaz al-Hadarah li Tanmiyat al-Fikr al-Islamiy.

Nazneen Binti Ismail
 Pensyarah Jabatan Dakwah dan Usuluddin,
 Fakulti Pengajian Peradaban Islam,
 Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor.
 Bandar Seri Putra, 43000 Kajang, Selangor
 Email: nazneen@kuis.edu.my

Aemy Elyani Mat Zain (Corresponding Author)
 Pensyarah Jabatan Kefahaman dan Pemikiran Islam,
 Pusat Pengajian Teras,
 Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor.
 Bandar Seri Putra, 43000 Kajang, Selangor
 Email: aemyelyani@kuis.edu.my

Norsaadah Binti Din@ Mohamad Nasirudin
 Pensyarah Jabatan Kefahaman dan Pemikiran Islam,
 Pusat Pengajian Teras,
 Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor.
 Bandar Seri Putra, 43000 Kajang, Selangor
 Email: norsaadah@kuis.edu.my

Maryam Habibah Binti Kamis
 Pembantu Penyelidik,
 Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor.
 Bandar Seri Putra, 43000 Kajang, Selangor
 Email: maryam.habibah@ymail.com